

BAB VIII

KAJIAN SOSIO EKONOMI

A. Pengenalan

Didalam bab ini kita akan meninjau dan meneliti sejauh manakah PBLS berupaya membawa perubahan terhadap keadaan sosio ekonomi petani dikawasan kajian. Daripada maklumat ini kita dapat mengetahui dengan lebih jelas setakat mana PBLS berjaya membaiki kehidupan keluargatani. Perbincangan dalam bab ini akan berdasarkan kepada data-data dan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada 50 responden.

B. Asal Responden

Dari 50 responden yang dikaji, 23 orang ataupun 46 peratus(%) keluarga adalah orang tempatan iaitu lahir di tempat kajian sendiri. Manakala 54 peratus(%) responden berasal dari luar tempat kajian. Dari jumlah 54 peratus(%) ini, 55.6 peratus(%) responden berasal dari Selangor 33.3 peratus(%) berasal dari Perak dan 11.1 peratus(%) lagi berasal dari Pahang.

Jadual 8.1 : Sebab Dan Tempoh Perpindahan Responden

Sebab Perpindahan			Tempoh Perpindahan (Tahun)					
Butir	Kerja	Khawin	Lain-lain	Jum	1-15	16-30	31-45	46-60
Bil'g	19	4	4	27	2	3	6	16
%	70.4	14.8	14.8	100	7.4	11.1	22.2	59.3

Sumber : Kajian Penyelidikan

Dari jadual 8.1 kita dapat melihat sebab dan tempoh perpindahan responden dikawasan kajian. Penghijrahan adalah diakibatkan oleh beberapa faktor penting. Faktor utama adalah disebabkan oleh pekerjaan iaitu peluang mengambil upah dan mendapat pekerjaan sambilan lain untuk menambahkan pendapatan. Responden yang perpindah akibat faktor ini adalah 70.4 peratus(%). Faktor kedua yang dianggap kurang penting bagi responden lelaki adalah perkawinan, 14.8 peratus(%) responden menyatakan perpindahan mereka diakibatkan oleh perkawinan dengan perempuan yang mewarisi tanah sendiri untuk pertanian. Faktor berikutnya adalah rasa tidak berpuas hati dengan tempat asalnya mendorong mereka membeli tanah. Tempoh perpindahan atau lamanya menetap di tempat baru dinyatakan dalam jadual. Didapati 59.3 peratus(%) responden telah menetap lebih kurang 46 hingga 60 tahun, 22.2 peratus(%) pula 31 hingga 45 tahun dan selebihnya kurang dari 30 tahun.

II. Kadar Saiz Keluarga

Saiz sebuah keluarga merupakan faktor penting di dalam menentukan tingkat pendapatan perkapita sesebuah keluarga menurut Laguin.

" Kehadiran ahli-ahli keluarga muda dan bersekolah akan meninggikan nisbah tanggungan Isirumah dimana kesannya adalah mengurangkan pendapatan perkapita "1

Rasionalnya saiz keluarga masyarakat desa adalah lebih besar dibanding dengan saiz keluarga masyarakat kota. Purata saiz keluarga desa di Malaysia adalah 5.3 orang² di mana jumlah anggota yang besar akan memberi sumbangan sumber tenaga yang lebih.

1. Laguin Aprodico A.Slums Are For People

Edisi pertama Honolulu, East West Centre Press 1971. m.s. 79

2. Chandar R (ed), 1970 General Report Population Census of Malaysia, Jilid I, Kuala Lumpur, Jabatan Statistik 1977. m.s. 469

Berdasarkan kepada kajian yang dibuat, purata saiz keluarga di kawasan kajian ialah 6 orang. Kita perhatikan jadual 8.2 di bawah ;

Jadual 8.2 Bilangan Ahli Keluarga Responden

Bil dlm keluarga	Keluarga Responden	Peratus (%)
0 - 4	5	10
5 - 9	35	70
10 - 14	9	18
> 15	1	2
Jumlah	50	100

Sumber : Kajian Penyelidikan

Dari jadual di atas didapati unit yang terbanyak dalam satu famili responden ialah di antara kategori 5 hingga 9 orang di mana ia merupakan 70% dari jumlah. Unit yang terbesar dalam satu keluarga ialah 15 orang dan unit yang terkecil ialah 2 orang. Didapati secara keseluruhannya bilangan ahli keluarga adalah di dalam lingkungan 0 hingga 15 orang. Saiz keluarga di antara 5 hingga 9 orang ahli merupakan saiz keluarga yang kerap didapati di kalangan keluargatani. Keadaan ini juga menggambarkan bahawa setiap keluarga mempunyai jumlah tanggungan yang agak besar.

D. Umur Responden Dan Ahli Keluarga

Umur memainkan peranan penting di dalam menentukan tingkat pelaburan yang diperolehi oleh sebuah keluarga. Dalam kajiannya Paul menyatakan;³

3. Paul Tauman, Income Distribution And Redistribution, Addison Wesley Publishing Company - Inc Philippinu (Copyright 1978). m.s. 13

" Family personal income increases with the age of the head of family until 45 to 54 years old groups and than income begins to decline "

Jadual : 8.3 Purata Umur Keluarga Tani

Kelas Umur	Bilangan ahli	Peratus (%)
<14	45	16.0
15 - 39	120	43.3
49 - 59	75	27.1
>60	37	13.4
Jumlah	277	100

Sumber : Kajian Penyelidikan

Jadual 8.3 menunjukkan purata umur keluarga tani di kawasan kajian. Kelas umur di antara 15 tahun hingga 39 tahun merupakan tingkat umur yang paling kerap didapati di kalangan keluargatani. Ini ditunjukkan oleh peratusan sebanyak 43.3%. Kelas umur 40-59 merupakan yang kedua kerap didapati di kalangan keluargatani iaitu sebanyak 27.1 peratus(%). Didapati responden pula dari mereka yang berumur di dalam lingkungan 40 hingga 59 dan lebih dari 60.

E. Taraf Akademik Responden

Para cendiakiawan telah bersetuju bahawa pelajaran memainkan peranan yang penting dalam menyediakan dan membolehkan seseorang meningkat dalam kedudukan sosio ekonominya.

Menurut Awang Had Salleh⁴ ibu-bapa yang miskin selalunya tidak mempunyai pendidikan yang memuaskan dan kerana ketiadaan atau kekurangan pelajaran itulah menyebabkan tidak berupaya melepaskan diri dari kemiskinan.

Jadual 8.4 : Taraf Akademik Responden

Taraf Akademik	Jumlah	Peratus (%)
Buta huruf	9	18
Sekolah Melayu rendah	23	46
Pendidikan Arab/Pondok	3	6
Sekolah Rendah Tamil/Cina	15	30
Jumlah	50	100

Sumber : Kajian Penyelidikan

Dari kajian didapati keseluruhan daripada 50 orang responden, 18 peratus(%) adalah tidak pernah bersekolah langsung atau disifatkan sebagai buta huruf, 46 peratus(%) mendapat pendidikan setakat sekolah rendah Melayu dan 30 peratus(%) sekolah rendah Tamil/Cina. Memandangkan tahap pendidikan yang dicapai oleh responden, ini telah menyekat mereka dari mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik dan membantu anak-anak mereka dalam pelajaran.

4. Awang Had Salleh Aspek Pendidikan Dalam Kemiskinan Didalam Buku Kemiskinan Luar bandar. AIM Kuala Lumpur 1983/83. m.s. 63

F. Taraf Pelajaran Anggota Keluarga

Masyarakat luar bandar terutamanya para petani dan buruh walaupun mereka berada dalam keadaan kemiskinan tetapi mereka mempunyai kesedaran terhadap pentingnya pelajaran bagi anak-anak mereka. Memandangkan tahap pendidikan yang dicapai oleh responden dan isterinya didapati mereka tidak dapat membantu pelajaran anak-anak mereka. Namun mereka harap anak-anak mereka akan dapat pelajaran yang lebih baik supaya dapat melepaskan diri dari perangkap kemiskinan. Kebenaran ini jelas dari salah satu seminar tempatan iaitu;

" Poverty and education from a vicious circle which could only be broken with effective manipulation of one of them"⁵

Rajah 8.1 : Taraf Pelajaran Keluarga Tani

Bilangan

		53	55	57		
		---	---	---		
50+						
40-	35					

30-					28	

20-						
					14	

10-						
	Tidak b'sek	Sek Rendah	SRP	SPM	STPM	P/Tinggi

Taraf Pendidikan

Sumber : Kajian Penyelidikan

Di dalam rangka kita akan menilai taraf pelajaran anak-anak responden, maka pembahagian akan dibuat berdasarkan kepada belum atau tidak bersekolah, sekolah rendah, kelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Pusat Pengajian Tinggi (PPT).

Dari rajah 8.1 didapati peratus anak-anak yang masih belum bersekolah berjumlah 14.5 peratus(%), 21.9 peratus(%) mempunyai kelulusan SRP, 23.6 peratus(%) kelulusan SPM dan cuma 11.6 peratus(%) mempunyai kelulusan STPM. Manakala kajian empirikal menunjukkan hanya 5.8 peratus(%) saja yang telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat seperti universiti-universiti tempatan mahupun luar negeri, institusi MARA dan Maktab Perguruan. Dari data-data tersebut jelas terbayang kesedaran ibu-bapa terhadap pelajaran.

Foto 17 : Contoh Sekolah Rendah Dikawasan Kajian



Migrasi Anak-anak Responden

Migrasi ialah satu topik yang penting dalam konteks Malaysia dari segi pertambahan dan taburan penduduk. Sebelum perang dunia migrasi antarabangsa adalah satu faktor demograf penting, sementara di dalam era selepas perang migrasi dalam negara telah menjadi isu semakin penting.

Di kawasan kajian migrasi dari luar bandar ke bandar menjadi satu perkara penting. Jadual 8.5 menunjukkan migrasi kalangan anak-anak responden.


Jadual 8.5 : Migrasi Di kalangan Anak-anak Responden

Sebab Migrasi	Bilangan	Peratus (%)
Buruh Kilang	28	31.1
Permandu	9	10
Kaki Tangan Kerajaan	13	14.4
Tentera	9	10
Polis	10	11.1
Juru rawat	5	5.56
Lain-lain pekerjaan	13	14.4
Menggangur	3	3.3
Jumlah	90	100

Sumber : Kajian Penyelidikan

Jadual 8.5 menggambarkan sebab-sebab wujudnya migrasi di kalangan muda-mudi luar bandar. Ada di antara anak-anak responden yang merasakan bahawa pencapaian pelajaran mereka tidak begitu sesuai untuk bekerja di kampung. Juga disebabkan oleh masalah-masalah dalam bidang pertanian seperti harga yang sentiasa turun naik, bencana dan pemilikan tanah yang tidak ekonomik, mendorong anak-anak petani berhijrah. Disamping itu mereka harap perghijrahan dapat mengurangkan beban ibu-bapa, jika mereka mempunyai pekerjaan tetap mereka dapat menghantar balik wang ke kampung.

8.2 Arah Aliran Migrasi Antara Negeri



Dr. Kuliah Demografi, 1990.

0 CM 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15


UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM . 10 MM 10

21 001 001 001 001 001 001 001 001 001 001 001 001 001

Pekerjaan Sampingan Dan Pendapatan

Sejumlah 50 responden yang ditemui di kawasan kajian sebanyak 48 responden menyatakan mereka turut terlibat dalam kerja sampingan. Tujuannya ialah untuk menambahkan pendapatan dan mengisi masa lapang terutamanya di sebelah petang. Pendapatan yang diterima dari pekerjaan sampingan ini digunakan untuk perbelanjaan sehari-hari rumah tangga. Rajah 8.3 menunjukkan taburan pekerjaan sampingan dan purata pendapatan yang diterima darinya dalam tempoh sebulan.

Rajah 8.3 Kerja sampingan Dan Pendapatan



Sumber : Kajian Penyelidikan

Terdapat 10 responden atau 20 peratus(%) yang menyatakan mereka tidak terlibat dalam kerja sampingan kerana kesuntukan masa. 22 peratus(%) responden terlibat dalam penternakan secara kecil-kecilan. Walaupun peratusan petani yang terlibat dalam kegiatan penanaman sayur adalah tinggi (30%) tetapi pendapatan yang diterima cuma \$50.00 sebulan. Begitu juga penanaman buahan menangkap ikan tidak mendatangkan keuntungan besar.

Foto 18 : Kebun Sayur Salah Seorang Petani



Foto 19 : Penternakan Kambing Sebagai Kerja Sampingan




Plikan Harta

Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh petani di kawasan kajian mempengaruhi jumlah dan jenis pemilikan harta. Jumlah pendapatan yang rendah hanya membenarkan tani memiliki harta asas (basic property) seperti peralatan rumah dan rumah yang didiami. Harta yang dimiliki oleh keluarga tani disifatkan sebagai harta asas yang tidak memberikan hasil.

Petani-petani di kawasan kajian memperolehi tingkat pendapatan yang agak tetap setiap bulan. Ini berpandukan pada cara perbelanjaan yang dilakukan oleh petani untuk mendapatkan barang. Perbelanjaan petani ke atas harta dapat dikategorikan kepada dua jenis iaitu pembelian secara tunai dan kredit. Rajah 8.4 menggambarkan jenis-jenis harta yang dimiliki dan cara pembeliannya.

Rajah 8.4 : Jenis Pemilikan dan Cara Pembelian

Bil Petani (%)



////| Pembelian Secara Kredit |

||||| Pembelian Secara Tunai |

Sumber : Kajian Penyelidikan


Dari jadual didapati petani lebih suka mengamalkan pembelian kredit terhadap harta pemilikannya. Pembelian kredit dapat mengurangkan beban petani, bayaran ansuran dibuat mengikut kemampuan petani. 38 peratus(%) petani mempunyai kereta sendiri, 70 peratus(%) petani memiliki motosikal dan cuma 8 peratus(%) yang mempunyai lori. Kenderaan yang dipunyai oleh responden bolehlah untuk bermegah ia digunakan untuk tujuan pemasaran hasil pertanian, pembelian input-input pertanian dan pembelian barang-barang keperluan rumah tangga.

Dari segi hiburan televisyen merupakan barang popular di kalangan petani iaitu 98 peratus(%) petani memiliki televisyen dan 20 peratus(%) memiliki video. Pemilikan mesin cahit dan mesin membasuh tidaklah dianggap penting dibanding dengan kipas di mana 50 peratus(%) petani mempunyai mudahan kipas.

Pola pemilikan Tanah

Tanah merupakan komoditi penting dalam kehidupan petani. Pendapatan para petani bergantung kuat pada tanah yang dimiliki. Oleh itu bagi mengenali masalah-masalah socio-ekonomi para petani pola pemilikan tanah perlu diberi perhatian. Kerana ianya saling berkaitrapat dan mempunyai hubungan secara langsung sebagai faktor punca kemiskinan.

Carta 8.5 Jumlah Keluasan Tanah (Per ekar)



Petunjuk

	Tidak Memiliki
	1ekr - 4ekr
	5ekr - 9ekr
	10ekr - 14ekr


Sumber : Kajian Penjelidikan.

Carta 8.5 menunjukkan keluasan tanah yang dimiliki oleh keluargatani. 8 peratus(%) daripada petani tidak memiliki sebarang tanah, kegiatan pertanian biasanya dilakukan di atas tanah sewaan. Manakala 66 peratus(%) petani mempunyai tanah seluas 1 ekar - 4 ekar, ia merupakan peratusan tertinggi dibanding dengan lain-lain keluasan. Namun begitu ada petani yang mempunyai tanah lebih daripada 4 ekar iaitu, hingga 9 ekar seramai 24 peratus(%) dan 10 hingga 14 ekar seramai 2 peratus(%). Tanah yang kecil menjadi punca utama kepada, petani tidak dapat menambahkan pengeluaran dan masih mengalami lenggu oleh kemiskinan.

Corak Perbelanjaan Responden

Terdapat berbagai jenis perbelanjaan yang dilakukan oleh petani dikawasan kajian. Tingkat pendapatan juga mempengaruhi bentuk dan jenis perbelanjaan bulanan keluargatani. Kajian terhadap perbelanjaan penggunaan keluargatani memberi tumpuan khas terhadap perbelanjaan makanan, pakaian, persekolahan, pertanian dan lain-lain. Untuk perbandingan turut dibuat keatas perbelanjaan bulanan keluargatani sebelum dan selepas PBLS.

Rajah 8.6 Corak Perbelanjaan Keluargatani



Sumber : Kajian Penyelidikan

Rajah 8.6 menunjukkan nilai perbelanjaan keluargatani di kawasan kajian sebelum dan selepas PBLS. Perbandingan dibuat agar mudah untuk di lihat taraf hidup keluargatani sebelum dan selepas wujudnya PBLS. Dari rajah didapati perbelanjaan keatas makanan telah meningkat sebanyak 78 peratus(%) selepas perlaksanaan PBLS. Walaubagaimanapun kajian terhadap perbelanjaan makanan menghadapi beberapa masalah. Masalah yang utama tidak adanya tindakbalas dari pihak petani. Ini disebabkan oleh petani tidak dapat menganggarkan purata perbelanjaan makanan sebulan kerana keperluan mereka tidak menentu dan sebahagian besar keperluan harian didapati secara percuma seperti glam-ulam yang boleh didapati dari sekitar kampung dan ikan air tawar dari taliair-taliair. Perbelanjaan terhadap pakaian adalah dianggap kurang penting, cuma 10 peratus(%) dari perbelanjaan bulanan diperuntukkan keatas pakaian, selepas perlaksanaan PBLS atau kini ia meningkat kepada 15.1 peratus(%). Perbelanjaan terhadap belanja persekolahan pula telah mengalami kejatuhan sebanyak 1.6 peratus(%). Sedangkan perbelanjaan pertanian pula telah meningkat dari 25.3 peratus(%) kepada 35.7 peratus(%) ini adalah berikutan dari peningkatan dalam harga input-input pertanian. Perbelanjaan keperluan rumahtangga yang dikatogrikan dalam lain-lain telah mengalami peningkatan dari 7.27 peratus(%) kepada 9.21 peratus(%). Pembelian barang-barang keperluan rumahtangga ini biasanya dilakukan di pasar-pasar malam yang berhampiran dengan kediaman mereka dan juga di kedai runcit yang terdapat di kawasan kajian. Secara keseluruhannya perbelanjaan keluargatani telah mengalami peningkatan sebanyak 87.2 peratus(%). Ini jelas membayangkan peningkatan dalam pendapatan dan taraf hidup keluargatani di kawasan kajian selepas perlaksanaan PBLS.


1. Tabungan

Tabungan ialah simpanan tunai yang dibuat setelah jumlah pendapatan ditolak penggunaan. Menurut pendapat Dr Ooi Giok Ling, tabungan merupakan simpanan yang boleh dijadikan modal untuk membaiki taraf hidup dan melepaskan diri dari kemiskinan.⁶

6. Dr Ooi Giok Ling, Asbah Mutu Hidup Dalam Kemiskinan Luar bandar, AIM K.L. 1983/84.

Manakala Modigliani telah menunjukkan tingkat pendapatan menurut umur didalam hipotesis kitaran hayatnya. Hal ini telah ditunjukkan dalam gambarajah seperti berikut;

Jadual 8.7. Pendapatan Hayat Hidup, Penggunaan, Tabungan Dan Kekayaan Dalam Model Kitaran Hayat



Dalam tempoh masa berkerja, individu tertentu akan menyabung untuk membiayai penggunaan pada waktu bersara hidup. Tabungan tersebut akan menimbunkan aset. Gambarajah diatas menggambarkan bagaimana aset individu bertambah dalam tempoh masa berkerja (0N) dan mencapai satu tingkat maksima iaitu sampai pada umur bersara (N). Selepas umur bersara hidup mula memakan tabungan sehingga akhir hayat. ⁷

Adalah menjadi paling sukar untuk mendapatkan maklumat berkaitan tabungan responden. Umumnya petani membuat tabungan untuk penggunaan masa depan tetapi simpanan mereka tidak boleh lama kerana sering menghadapi masalah kesimpitan wang. Dari kajian didapati Kebanyakkan dari mereka membuat tabungan pada musim-musim penjualan hasil pertanian.

Jadual 8.6 Nilai Tabungan Keluargatani

Jumlah Tabungan	Bil Petani	Peratus(%)
Tidak Menabung	5	10
0 - 2000	35	70
2001 - 4000	4	8
4001 - 6000	1	2
6001 - 8000	1	2
>8000	1	2
Tidak menjawab	3	6
Jumlah	50	100

Sumber : Kajian Penyelidikan

Dari jadual 8.6 didapati 10 peratus(%) responden tidak menabung kerana mereka sering tiada lebihan dalam pendapatan yang diperolehi. 70 peratus(%) dari responden mempunyai nilai tabungan \$0-\$2000 dipusat-pusat tabungan. Cuma 2 peratus(%) sahaja yang mempunyai simpanan lebih daripada \$8000, responden ini biasanya memiliki tanah seluas 10 - 14 ekar dan mempunyai buruh upahan untuk mengendalikan kegiatan pertanian. Sedangkan 6 peratus(%) responden enggan menjawab nilai tabungnya kerana beranggap rahsia. Tujuan utama kebanyakkan petani menambung ialah untuk masa hadapan, termasuklah untuk kegunaan persekolahan anak-anak mereka kerana mereka tidak mahu anak-anak mereka mewarisi kemiskinan yang mereka alami dan seboleh-sebolehnya memberikan pelajaran setakat mana yang mampu.

M. Rawatan Semasa Sakit

Dua puluh tahun yang lampau, perubatan tradisional memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat luar bandar. Tetapi kini dari kajian yang dibuat didapati mereka lebih bergantung terhadap perubatan moden yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Jadual 8.7 Rawatan Semasa Sakit

Tempat Rawatan	Bilangan	Peratus (%)
Hospital	30	60
Swasta	16	32
Hospital & Swasta	2	4
Lain-lain	2	4
Jumlah	50	1000

Sumber : Kajian Penyelidikan

Jadual 8.7 dalam Bab VIII menunjukkan, bahawa 92 peratus dari 50 responden lebih mengutamakan perubatan moden. Dari nilai ini 60 peratus(%) lebih suka menggunakan kemudahan perkhidmatan hospital yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan bagi mendapat rawatan. Kecuali petani yang berpendapatan tinggi lebih suka mengunjungi klinik swasta untuk menerima rawatan. Kajian membuktikan pihak kerajaan berjaya mencapai matlamatnya dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk luar bandar.

Namun begitu, fenomena ini tidak bermakna masyarakat luar bandar menolak perubatan tradisional seratus peratus. Balam keadaan-keadaan tertentu mereka masih bergantung kepada dukun atau bomoh terutamanya sewaktu mengurut ibu-ibu selepas bersalin, patah kaki dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan rawatan yang lebih baik secara tidak langsung telah berjaya meningkatkan taraf kesihatan dikalangan penduduk kawasan luar bandar.

N. Taraf Dan Jenis Pemilikan Tempat Tinggal

Taraf pemilikan rumah petani terbahagi 2, milik sendiri dan sewa. 72 peratus(%) responden mempunyai rumah milik sendiri. Mereka ini membina, membeli atau mempunyai rumah sendiri hasil dari tinggalan orang-orang tua. Manakala 28 peratus(%) responden menduduki rumah sewa dengan membayar sewa secara puratanya \$50.00 sebulan. Jumlah pemilikan sendiri melebihi 50 peratus, ini merupakan satu peningkatan dalam sosio ekonomi petani dikawasan kajian. Jadual 8.8 menunjukkan taburan taraf pemilikan tempat tinggal petani di kawasan kajian.

Jadual 8.8 : Taraf Pemilik Dan Tempat Tinggal Petani

Butir-Butir	Taraf Pemilikan		Jumlah
	Sendiri	Sewa	
Bilangan	36	14	50
Peratus (%)	72	28	100

Sumber : Kajian Penyelidikan

Didalam bahagian ini penulis turut menggambarkan tentang keadaan fizikal tempat tinggal. Kebanyakan dari responden mempunyai rumah yang dibuat dari kayu/papan. Seramai 35 responden menjawap mereka memiliki rumah yang dibuat dari kayu. Rumah-rumah ini samaada diwarisi terus dari orang-orang tua atau baru sahaja dibina. Seramai 9 orang responden pula memiliki rumah yang diperbuat dari batu. Sementara 6 orang responden yang ditemui ramah mempunyai rumah diperbuat dari batu dan kayu kita lihat gambarannya melalui Jadual 8.9.

Jadual 8.9 Jenis Rumah Responen

Jenis	Jumlah	Peratus (%)
Papan/Kayu	35	70
Batu	9	18
Batu/papan	6	12
Jumlah	50	100

Sumber : Kajian Penyelidikan

Kemudahan Asas

Bekalan Air

Responden-responden dikawasan kajian sedang menikmati kemudahan air dari paip-paip yang dibina beberapa tahun lepas. Bekalan air yang mencukupi dan bersih dapat menjamin kesihatan keluargatani. Terdapat 2 jenis bekalan air yang digunakan antaranya bekalan air yang di salurkan oleh Kerajaan dan air telaga/perigi.

Jadual 8.10 : Taburan Penggunaan Bekalan Air

Butir-butir	Bekalan Air	Jumlah
	Paip Kerajaan	Perigi/telaga
Bilangan	46	4
Peratus (%)	92	8
		50
		100

Sumber : Kajian Penyelidikan

Berdasarkan jadual 8.10 kita dapat perhatikan bahawa peratusan yang besar telah dapat menikmati kemudahan air paip. Jumlah ini adalah 92 peratus(%) dari seluruh petani yang ditemui. Namun ada juga responden yang masih lagi menggunakan telaga/perigi sebagai tempat mengambil air (8%).

3. Sekalan Letrik

Sejak kemasukan letrik ke kawasan kajian beberapa tahun 92 peratus(%) dari responden menikmati kemudahan elektrik. Walaubagaimanapun masih lagi kedapatan 8 peratus(%) yang menggunakan lampu minyak tanah dan lampu gasoline. Ini disebabkan keadaan rumah responden tidak memenuhi syarat kemasukan bekalan elektrik dari Tenaga Nasional. Jadual 8.11 menunjukkan taburan penggunaan bekalan elektrik dikawasan kajian.

Jadual 8.11 : Taburan Penggunaan Bekalan Elektrik

Butir-Butir	Bekalan Elektrik		Jumlah
	Terima	Tidak	
Bilangan	46	4	50
Peratus (%)	92	8	100


Sumber : Kajian Penyelidikan

Arah aliran penggunaan bekalan elektrik menunjukkan bahawa petani-petani dikawasan kajian telah menikmati faedah sosial yang tinggi. Peningkatan dalam taraf kehidupan petani di sini banyak dipengaruhi oleh penglibatan petani-petani tidak dalam rancang pembangunan pertanian.

3. Kemudahan Talipon

Alat komunikasi ini dianggap kurang penting oleh responden-responden dikawasan kajian. Tetapi hampir keseluruhan rumah-rumah petani mempunyai alat komunikasi berbentuk radio dan televisyen. Dari penyelidikan yang dibuat didapati 34 peratus(%) responden memiliki talipon dan selebihnya iaitu 66 peratus(%) mengatakan mereka lebih gemar gunakan talipon awam yang terletak berdekatan kerana kos penggunaannya lebih murah.

Foto 20 : Contoh Rumah Petani



21 : Balai Raya Untuk Mengendalikan Kegiatan Sosial



P. Kesimpulan

Dalam bab ini kita telah melihat kedudukan sosio ekonomi hasil daripada perlaksanaan sistem taliair, penanaman padi dua kali setahun dan perlaksaan dasar PBLS yang menyeluruh. Tidak dapat dinafikan PBLS telah cuba memainkan peranan yang penting dalam membantu membaiki kedudukan sosio ekonomi keluargatani di kawasan kajian.